

Amalan Syura Dalam Kalangan Guru Besar Dan Hubungannya Terhadap Komitmen Kerja Guru

Suhana Abd Hamid*, Ahmad Marzuki Mohamad

Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia, 81310 UTM Johor Bahru, Johor, Malaysia

*Corresponding author: hanasahna223@gmail.com

Abstract

This study is design to investigate the implementation of the *shura* among headmasters that's influence teachers' work commitment, and to examine the *shura element* asli predictability of teachers' work commitment. This study uses quantitative methods involving 200 respondents among teachers from 23 grade A schools in Johor Bahru. The overall analysis of questionnaire data obtained Cronbach alpha value of 0.946, which showed the highest level of reliability assessment and fulfilling the needs of this study. The data is analy using Statistical Package for the Social Science (SPSS) 22.0. Overall finding shows the implementation of the practice of *shura* is in a high level, which should be carried out among the teachers. Referring to the second objectives of this study, the analysis proves that elements of the *shura*; openness, consensus, trust, and trust able to predict work commitments. Based on this result, it can be understood that the elements of the *shura* competent to improve future teachers' work commitments. It is recommended, for future studies to the investiage the practice of *shura* in relation with the job satisfaction and school achievement in education. The findings of this study are expected to generate knowledge and understanding in leadership based on a broad practice of *shura*.

Keywords: Shura; *ibrah*; work commitments

Abstrak

Kajian ini dijalankan untuk meninjau pelaksanaan amalan syura dalam kalangan guru besar yang mendorong peningkatan komitmen kerja guru, dan mengkaji elemen amalan syura yang menjadi peramal terhadap komitmen kerja guru. Kajian menggunakan kaedah kuantitatif ini melibatkan sebanyak 200 responden dalam kalangan guru dari 23 buah sekolah agama bergred A di daerah Johor Bahru. Analisis keseluruhan data soal selidik memperolehi nilai *alpha cronbach* 0.946 iaitu menunjukkan pengukuran tahap kebolehpercayaan tertinggi serta menepati kehendak kajian ini. Secara keseluruhan, dapatan analisis statistik yang dibuat menggunakan *Statistical Package for The Social Science (SPSS) 22.0* menunjukkan pelaksanaan amalan syura adalah pada kedudukan yang tinggi iaitu dilaksanakan sebaiknya dalam kalangan guru besar. Merujuk objektif kedua kajian, hasil analisis membuktikan elemen amalan syura; keterbukaan, kesepakatan, kepercayaan, nasihat dan amanah menjadi peramal terhadap komitmen kerja. Berdasarkan hasil analisis kajian ini dapatlah difahami bahawa elemen amalan syura mempunyai hubungan yang erat bagi meningkatkan komitmen kerja guru. Untuk masa hadapan, kajian berkaitan amalan syura perlu dilakukan ke atas kepuasan kerja dan hubungannya terhadap prestasi pendidikan di sekolah. Hasil dapatan kajian ini diharap dapat menajana pengetahuan dan pemahaman tentang kepimpinan berasaskan amalan syura yang unggul.

Kata Kunci: Syura; *ibrah*; komitmen kerja

© 2016 Penerbit UTM Press. All rights reserved

■ 1.0 PENGENALAN

Amalan syura menjadi obligasi kepada kepimpinan guru besar selaku ketua tertinggi dalam organisasi. Kepimpinan berasaskan amalan syura mendorong organisasi pendidikan menjalani hubungan interpersonal yang efektif menurut tuntutan Islam sebagaimana yang terkandung di dalam al-Quran dan al-Sunnah (Hamid & Mohamad, 2015). Perintah amalan syura disebut juga di dalam al-Quran sebagai melestarikan kepimpinan Islam yang menjurus pemuafakatan dan penyatuan ummah lalu mewujudkan ketakwaan muslim terhadap Allah SWT (al-Baqarah 2:233; Ali Imran 3:159; al-Syura 42:38; Maryam 19:29). Kesan yang mendalam diperolehi secara mapan dengan peningkatan komitmen kerja organisasi untuk mencapai matlamat terutama dalam institusi pendidikan (Daud, 2013) juga meninggikan darjat kepimpinan yang syumul menurut kaca mata Islam melalui impak kejayaan (*al-falah*) di dunia dan akhirat (al-Banna, 2006) serta mendorong peningkatan prestasi organisasi juga komitmen kerja terutama di bidang pendidikan (Hamid, Mohamad, Sawari, Anuar, & Hamid, 2015). Islam meletakkan amalan syura menjadi modul pengembangan dakwah yang terangkum di dalamnya menegakkan keadilan dan kebenaran berasaskan keterbukaan, kesepakatan, kepercayaan, nasihat dan amanah (Suhana *et. al.*, 2015; Sayid Rasyid, 2013; dan Ahmad Muhyuddin, 2010).

Pengisahan dakwah Rasulullah SAW jelas menunjukkan peri pentingnya amalan *permusyawarahan* diambil cakna oleh kepimpinan organisasi dalam menyempurnakan amanah serta tanggungjawab yang dapat menterjemahkan keutuhan jati diri sebagai khalifah di muka bumi ini (Adnan, 2014). Kajian berkaitan amalan syura Mohamad (2013); Van Dyne (2010); Hassan (2010) ; Sufian (2006) menunjukkan bahawa amalan kepimpinan Islam mendasari prinsip aqidah tauhid, syura, keterbukaan, amal jamaie yang mempunyai hubungan yang signifikan terhadap komitmen kerja dan kepuasan kerja dalam kalangan organisasi. Namun demikian

tanggapan kepimpinan guru besar terhadap amalan syura selaku momentum peningkatan komitmen kerja amat rendah. Analisis kajian Tahir (2012) mendapati bahawa amalan syura dalam kalangan kepimpinan organisasi mempunyai nilai pemberatan regresi yang rendah dan menunjukkan prestasi komitmen kerja pada tahap sederhana. Bersamaan dengan kajian Latip (2012) juga merekodkan bahawa kepimpinan guru besar jarang berkomunikasi secara dua hala dengan para guru dan jelas mempengaruhi peningkatan komitmen kerja di sekolah. Justeru itu, berdasarkan kesedaran memperlihatkan nilai kepimpinan Islam yang meneladani Rasulullah SAW, pengkaji meletakkan objektif utama meninjau pelaksanaan amalan syura dalam kalangan guru besar dan beberapa elemen disertakan dan dianalisis iaitu; keterbukaan, kesepakatan, kepercayaan, nasihat, dan amanah sama ada menjadi peramal kepada komitmen kerja guru.

■2.0 SOROTAN LITERATUR

Kerangka teoritikal kajian ini diambil dari kajian Ahmad Marzuki, (2013) yang mengadaptasi kerangka asas kepimpinan Islam berasaskan al-Quran dan al-Sunnah, sirah nabawiyah dan Ibn Taimiyah (1992) iaitu menjelaskan bahawa pelaksanaan kepimpinan amalan syura menekankan kualiti seorang pemimpin yang mempamerkan kehebatan Islam dan menjadi prasyarat mengangkat darjat organisasi yang cemerlang. Penetapan amalan syura dalam kepimpinan juga disebut oleh al-Qaradhawi (2014) bahawa amalan syura merangkumi hak Allah SWT yang memberi *fadhilat* dan kebaikan kepada hamba-Nya yang cenderung ke arah peningkatan amal di samping hubungan kemasyarakatan. Sementara (al-Banna, 2006) pula memberi penegasan bahawa amalan syura adalah suatu kebenaran dan *hakimiyatullah* (kebijaksanaan Allah) yang disepakati oleh ulama fiqh berasaskan perbahasan hukum dan ketetapan Allah SWT yang tidak boleh disangkal lagi untuk memastikan asas tauhid dan aqidah umat manusia sempurna iaitu diperolehi melalui al-Quran bagi melengkapkan sifat ketaatan kepada pencipta menurut yang disampaikan oleh para anbiya (al-An'am 6:114; an-Nur 24:51; an-Nisa 4:165).

Teori komitmen (Meyer & Allen, 2001) pula merangkumi tiga dimensi iaitu komitmen identifikasi (afektif), berterusan (penglibatan), dan normatif (kesetiaan). Identifikasi merangkumi kepercayaan yang kuat, hubungan erat organisasi dalam mencapai matlamat melazimi etika organisasi yang mewujudkan rasa komitmen dan melaksanakan tugas serta menyumbang pencapaian kecemerlangan. Penglibatan pula melibatkan kesediaan, sikap bertanggungjawab dan melaksanakan amanah dalam pendidikan serta mengadakan kerjasama dalam kalangan organisasi. Sementara kesetiaan menurus kepada keinginan yang kuat untuk kekal bersama organisasi, berasa sayang dan mementingkan keperluan majikan yang dipamerkan melalui tingkah laku dan komitmen kerja yang tinggi.

Syura dalam kajian ini dilihat menerusi kepimpinan organisasi sekolah yang merangkumi betapa pentingnya amalan syura terhadap peningkatan komitmen kerja guru. Umpamanya Jaafar (2010) menyamakan amalan syura sebagai satu prinsip perundangan dalam kepimpinan organisasi iaitu *"Syura is a methodology employing mutual consultation among leaders and followers in matters of importance, particularly when a nature of the problem is critical and warrants judicious solution. Ideas and suggestions are solicited from various quarters, especially from those most knowledgeable and experienced in the matter at hand"*. Kepimpinan Rasulullah SAW dan para sahabat adalah sentiasa mewujudkan suasana perkongsian terhadap visi dan misi, membudayakan kerja berpasukan (*amal jamaie*), keterbukaan, melaksanakan amalan syura secara istiqamah demi memastikan kedaulatan agama Islam dan umatnya agar maju ke hadapan dalam pelbagai bidang untuk memakmurkan bumi Allah SWT (al-Banna, 2006; Yulk, 2006; Aziah *et. al.*, 2007; Kouzes dan Posner 2003; Shahril, 2003; Ismail Noor, 2000; al-Talib (2001). Kepimpinan baginda Rasulullah SAW sentiasa menerima dan meminta pandangan daripada para sahabat dalam semua situasi yang membawa kebaikan dan kepentingan umat. Baginda SAW menerima pandangan para sahabat biarpun pandangan tersebut bertentangan dengan pandangan baginda SAW seperti yang berlaku dalam peperangan Uhud yang mana para sahabat berpendapat umat Islam harus keluar dari kota Madinah sedangkan baginda SAW pula menyatakan pendapatnya agar umat Islam tetap berada di kota Madinah. Lantas baginda SAW mendahulukan pendapat majoriti para sahabat yang mahu bertempur dengan bala tentera Quraisy di luar kota Madinah (Wahab, 2013).Maka, segala keputusan dalam syura akan melazimi kesan jangka panjang bagi persekitaran sekolah yang kondusif dan jaminan kecemerlangan pendidikan serta peningkatan komitmen kerja guru di sekolah (Awang, Teh, & 2010).

Kajian Shaharbi (2010) dan Hamzah (2009) terhadap kepimpinan demokratik mendapati 80% dapatan analisis menyatakan terdapat peningkatan komitmen kerja guru iaitu melaksanakan gerak kerja secara konsisten dan bersepadu yang wujud dari keterbukaan dan persefahaman antara organisasi kepimpinan. Faktor motivasi menjadi elemen penting dalam proses kecemerlangan kepimpinan institusi sekolah (Ajmain, 2012). Kamal (2013) menyatakan bahawa sistem pentadbiran yang cekap dan kompeten adalah dengan mendatangkan suasana kerja yang tiada unsur '*stress*' dalam kalangan pekerjanya, antaranya dengan menyediakan suasana tempat kerja dan persekitaran yang kondusif dan memotivasikan secara optimum sepanjang masa. Manakala kajian Celep dan Xilmaz (2012) menyokong bahawa tahap kepuasan dan komitmen kerja yang tinggi mempengaruhi peningkatan prestasi akademik murid selaras kehendak pendidikan yang mapan. Sementara peranan syura dalam kepimpinan menjadi asas menentukan jalan dan cara pelaksanaan yang mementingkan disiplin bagi memandu ke arah pentadbiran yang kompeten serta saling menerapkan hubungan yang baik sesama ahli organisasi dalam apa juga matlamat yang dijanakan (Loh Cher Teng, 2010). Oleh yang demikian, sifat keterbukaan dan kesediaan menerima pandangan daripada ahli organisasi amat membantu kepimpinan sekolah bagi memperkembangkan potensi dan jati diri guru serta saling berganding bahu mempertingkatkan proses kecemerlangan sekolah. Husain bin Ali mengatakan: *"Saya pernah bertanya tentang kehidupan Rasulullah SAW kepada ayahku (Ali Bin Abi Talib)"* lalu dijelaskan bahawa: *"Rasulullah SAW adalah seorang yang memiliki perilaku mulia, berlemah lembut, sentiasa menampilkan kemanisan wajahnya, mengelakkan perselisihan, memanfaatkan masa, serta berusaha membuat orang lain optimis"* (Kamal, 2013; Latip, 2012)

Rentetan pelaksanaan amalan syura secara mapan telah membentuk sikap bekerjasama, berperikemanusiaan, menerapkan usaha sama dalam kalangan organisasi untuk meningkatkan produktiviti (Mohamad (2013); Jaffar (2013); Ridha, 2013) Ahmad Marzuki, 2013; Md Mohiden, 2013; dan Ridzuan, 2012) mewujudkan hubungan yang harmoni, memacu sahsiah organisasi meneladani kepimpinan Rasulullah SAW yang unggul, mendorong komitmen kerja, serta meningkatkan prestasi pendidikan di sekolah (Zulhida (2013); Ezani (2013); (Sawari, 2014).

Keterbukaan dalam syura diperhalusi oleh kepimpinan guru besar yang menjadi teras pencapaian cemerlang dalam pendidikan. Jaffar (2013) yang menyebut bahawa kepimpinan guru besar yang mengamalkan sikap keterbukaan sebagaimana kepimpinan Rasulullah SAW amat mempengaruhi komitmen kerja guru. Manakala sifat amanah terhadap tanggungjawab sebagai pemimpin organisasi

dipaparkan menurut kehendak dan perintah Allah SWT. Ibnu Taimiyyah (1971), menegaskan bahawa seseorang pemimpin perlu melaksanakan amanah yang diberikan mengikut ketetapan dan perintah Allah SWT tanpa melakukan kemudaratan atau berbuat kezaliman.

Bersesuaian amalan syura didorong dengan adanya kesepakatan dalam kalangan organisasi telah dibuktikan dalam kajian Early (2012) bahawa guru besar yang mengamalkan perkongsian dan kesepakatan dalam membuat keputusan lebih mudah mencapai hubungan baik antara organisasi serta membina keyakinan dan sikap bertanggungjawab guru besar dalam urusan pentadbiran mereka. Sementara sikap saling mempercayai sesama organisasi dititik beratkan dalam segenap urusan sekolah amat membantu ahli organisasi. Penegasan oleh Abidin and Suradi (2012) bahawa kepimpinan yang menaruh kepercayaan menurut Islam tidak hanya meletakkan tanggungjawab tersebut kepada pemimpin sahaja, sebagai khalifah setiap individu memikul amanah kepimpinan hatta kepada diri mereka sendiri dalam mentadbir, mengurus, mengelola sekalipun yang akhirnya membawa tujuan mendekati diri kepada Allah SWT.

Sifat mahabbah yang bertunjangan kepada Allah SWT menambah nilai kesempurnaan insan iaitu melalui nasihat menasihati antara pemimpin dan ahli organisasi sebagaimana penegasan Qutub (2014) bahawa amalan saling menasihati bagi memperoleh keputusan dalam syura lebih mendorong kepada hakikat kesempurnaan umat dan seterusnya membawa kepada sifat tawakal atas *Qudrat* (قدره) dan *Iradah* (ارادة) Allah SWT (al-Imran 3:159).

Pelaksanaan amalan syura melengkapkan matlamat yang dikehendaki dalam kepimpinan Islam yang sentiasa menjalini interaksi dua hala dalam kalangan organisasi bagi mewujudkan komitmen kerja guru yang mapan (Hamid, Mohamad, Hamid, et al., 2015).

Persoalan Kajian

- i. Meninjau pelaksanaan amalan syura dalam kalangan guru besar yang mendorong peningkatan komitmen kerja guru.
- ii. Mengkaji elemen amalan syura yang menjadi peramal terhadap komitmen kerja guru.

■3.0 METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian sebagai suatu langkah terbaik dalam merancang sebuah penyelidikan bagi menjamin kesahan, kebolehpercayaan dan kesimpulan yang didapati daripada data yang dikumpulkan (Adibah, 2013; Clifton dan Serlin, 2006). Kaedah bagi kajian ini berbentuk kuantitatif yang mengandungi responden sebanyak 200 orang guru dalam kalangan guru agama di daerah Johor Bahru. Kaedah ini dipilih bagi meninjau pelaksanaan amalan syura dalam kalangan guru besar dan mengkaji elemen amalan syura yang menjadi peramal terhadap komitmen kerja guru. Responden atau persampelan yang dipilih adalah berdasarkan sekolah bergred A di daerah Johor Bahru seperti cadangan oleh Pegawai Pejabat Pendidikan Islam Johor.

Borang soal selidik yang diedarkan terus kepada responden dan dijawab selang tiga hari telah diserahkan kembali untuk pengumpulan data. Mohd Najib (2007) dan Patton (2002) menyatakan bahawa kaedah tinjauan soal selidik merupakan satu kaedah yang amat mudah, tepat dan cepat untuk mendapatkan maklumat secara lintas lalu melalui sekali kutipan sahaja.

Instrumen Kajian

Pengukuran pemboleh ubah tidak bersandar amalan syura dalam kepimpinan guru besar menggunakan instrumen soal selidik iaitu diguna dan dibangunkan oleh Ahmad Marzuki (2013) yang telah mencatatkan nilai skor *Alpha Cronbach* sebanyak 0.96 berasaskan teori kepimpinan Islam menurut al-Quran dan al-Sunnah, Sirah nabawiyah dan Ibn Taimiyyah (1992). Manakala tahap komitmen kerja guru sebagai pemboleh ubah bersandar adalah dinilai melalui alat ukuran komitmen *Organizational Commitment Questionnaire (OCQ)* yang direka bentuk oleh (Allen, 2004) ;(Meyer & Allen, 2001) dan diguna oleh Tahir (2012) serta mempunyai nilai skor kebolehpercayaan *Alpha Cronbach* 0.95. Menurut Mohd Najib (1999), penyelidik boleh menggunakan instrumen (soal selidik) yang telah dibina dan diguna oleh penyelidik lain dengan memastikan ianya mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi.

Borang soal selidik yang dibina dan digunakan mengikut kesesuaian skop kajian yang dijalankan iaitu mengandungi 2 bahagian berdasarkan kepada persoalan kajian:

- i) Amalan syura dalam kepimpinan guru besar (Bahagian A)
Bahagian ini mengandungi lima elemen iaitu; keterbukaan (lima item soalan); kesepakatan (lima item soalan); kepercayaan (lima item soalan); nasihat (lima item soalan), dan amanah (lima item soalan). Maka keseluruhan item soalan bagi menjawab persoalan pelaksanaan amalan syura dan elemen yang menjadi peramal adalah 25 item semuanya.
- ii) Komitmen kerja guru (Bahagian B)
Bahagian ini mengandungi lima elemen bagi meninjau komitmen kerja guru iaitu; tanggungjawab (lima item soalan); kerjasama (lima item soalan); disiplin (lima item soalan); kompetensi (lima item soalan), dan hubungan organisasi (lima item soalan). Keseluruhan item soalan mengandungi 25 yang berkaitan peningkatan komitmen kerja guru.

■4.0 PENEMUAN DAN PERBINCANGAN

Kebolehpercayaan Pengukuran

Instrumen kaji selidik yang mengandungi soalan perlu diukur kebolehpercayaan dengan menggunakan ujian *Alpha Cronbach*. Keputusan analisis pengukuran kebolehpercayaan akan dinilai mengikut kajian Krik (1984) dan Barbbie (1992) yang mana ujian yang berada pada nilai 0.90 adalah pada tahap sangat tinggi manakala 0.70 mencapai tahap tinggi kesahannya. Di sokong kajian oleh Mohamad (2013), Latip

(2012); Ajmain (2012) bahawa nilai *Alpha Cronbach* lebih baik pada nilai 0.90. Analisis *Alpha Cronbach* bagi setiap pembolehubah dalam kajian ini adalah mengikut jadual 1 di bawah:

Jadual 1 Keputusan *Alpha Cronbach*

Pembolehubah	Alpha Cronbach	Jumlah Item	Kekuatan
Amalan Syura	0.937	25	Sangat Tinggi
Keterbukaan	0.857	5	Tinggi
Kesepakatan	0.820	5	Tinggi
Kepercayaan	0.751	5	Tinggi
Nasihat	0.808	5	Tinggi
Amanah	0.869	5	Tinggi
Komitmen Kerja	0.932	25	Sangat Tinggi
Tanggungjawab	0.781	5	Tinggi
Kerjasama	0.854	5	Tinggi
Disiplin	0.858	5	Tinggi
Kompetensi	0.749	5	Tinggi
Hubungan Organisasi	0.815	5	Tinggi
Keseluruhan	0.946	50	Sangat Tinggi

N: 200

Sumber: Krik (1984) dan Babbie (1992)

Merujuk 1 di atas, menunjukkan keseluruhan item dalam soal selidik ini yang diukur dengan menggunakan 50-item adalah mempunyai nilai *Alpha Cronbach* sebanyak 0.946 dan dikategorikan sangat tinggi tahap kekuatannya. Sebanyak 25 item pengukuran bagi pembolehubah amalan syura dalam kalangan guru besar diterima kebolehpercayaannya kerana nilai *Alpha Cronbach* 0.937(sangat tinggi). Di bawah pengukuran amalan syura terdapat lima elemen yang juga diterima kebolehpercayaannya apabila keputusan *Alpha Cronbach* adalah; keterbukaan (0.857), kesepakatan (0.820), kepercayaan (0.751), nasihat (0.808), dan amanah (0.869). Manakala pembolehubah komitmen kerja guru mendapati nilai kebolehpercayaan *Alpha Cronbach* 0.932 (tinggi) selain pada elemen; tanggungjawab (0.781), kerjasama (0.854), disiplin (0.858), kompetensi (0.749), dan hubungan organisasi (0.815). Pengukuran tahap kebolehpercayaan item setiap elemen kajian ini berada pada tahap tertinggi sangat menepati ukuran kebolehpercayaan kajian yang dijalankan.

Berdasarkan keputusan *Alpha Cronbach* bagi setiap pembolehubah di atas, kesemua nilainya adalah melebihi 0.60 (Hair et.al, 2007) atau 0.70 (Nunally, 1978), atau bersamaan 0.80 Krik (1984) dan Babbie (1990), selain sokongan pengkaji lalu pada nilai *Alpha Cronbach* 0.90 (Hamid & Mohamad, 2015); Latip (2012); Ajmain (2012).

4.1 Objektif 1-Pelaksanaan Amalan Syura Dalam Kepimpinan Guru Besar Yang Mendorong Peningkatan Tahap Komitmen Kerja Guru

Kepimpinan guru besar seharusnya menjurus kepada kepimpinan Islam sebagai intipati yang mengamalkan syura mengikut al-Quran dan al-Sunnah. Merujuk kepada penilaian guru sebagai responden berkaitan kepimpinan guru besar yang mengamalkan syura memperlihatkan bahawa elemen amalan syura dipraktikkan dalam kepimpinan di sekolah agama daerah Johor Bahru. Manakala dapatan analisis berkaitan dorongan kepada peningkatan komitmen kerja guru juga menunjukkan pada tahap tinggi selaras memenuhi kehendak pendidikan yang berprestasi cemerlang.

4.1.1 Analisis Nilai Skor Min Dan Sisihan Piawai (SP) Keseluruhan Item Elemen Amalan Syura Yang Diamalkan Dalam Kepimpinan Guru Besar

Pada peringkat ini, dapatan analisis berkaitan elemen amalan syura yang diamalkan dalam kepimpinan guru besar berdasarkan nilai interpretasi skor min dan sisihan piawai (SP) yang merujuk kepada rajah 2 di bawah:

Jadual 2 Analisis nilai skor min dan sisihan piawai (SP) keseluruhan item elemen amalan syura

Item	Elemen amalan syura	Skor keseluruhan min (Penilaian guru) N = 200	Sisihan Piawai (SP)	Interpretasi Tahap
S1,S2,S3,S4,S5,	Keterbukaan	4.23	0.847	Tinggi
S6,S7,S8,S9,S10	Kesepakatan	4.17	0.790	Tinggi
S11,S12,S13,S14,S15	Kepercayaan	4.04	0.798	Tinggi
S16,S17,S18,S19,S20	Nasihat	4.36	0.740	Tinggi
S21,S22,S23,S24,S25	Amanah	4.26	0.755	Tinggi

N:200

Jadual 4.2 di atas menunjukkan nilai keseluruhan skor min bagi setiap elemen amalan syura dalam kepimpinan guru besar. Bagi elemen keterbukaan mencatatkan nilai skor min pada tahap tinggi sebanyak 4.23 dengan nilai sisihan piawaiannya 0.847, elemen kesepakatan memperlihatkan tahap nilai skor min tinggi iaitu 4.17 dengan nilai sisihan piawaiannya 0.790, manakala kepercayaan pada

nilai skor min 4.04 dengan nilai sisihan piawaiannya 0.798, sementara elemen nasihat pada nilai skor min 4.36 pada tahap tinggi dengan nilai sisihan piawaiannya 0.740, dan elemen amanah mencatat nilai skor min 4.26 dengan nilai sisihan piawaiannya 0.755.

Secara keseluruhannya hasil analisis kajian mendapati kepimpinan guru besar melaksanakan amalan syura yang memacu komitmen kerja guru di sekolah bagi peningkatan pencapaian pendidikan yang cemerlang. Hasil analisis kajian mendapati nilai skor min tertinggi adalah elemen nasihat sebanyak 4.36 (SP=0.740) manakala elemen kepercayaan mencatat nilai skor min terendah sebanyak 4.04 (SP=0.798). Kepimpinan guru besar perlu memastikan urusan pentadbiran dilaksanakan dengan komunikasi dua hala yang positif dan kondusif.

4.1.2 Elemen Komitmen Kerja Guru di Sekolah Agama Daerah Johor Bahru

Peningkatan elemen komitmen kerja guru didapati memberi impak besar kepada kemajuan sebuah institusi pendidikan bagi menghasilkan anak didik berdaya saing dalam usaha memajukan negara ber wawasan. Guru besar memainkan peranan utama memotivasikan penghasilan kerja berkualiti dalam kalangan guru di sekolah selain memberi sokongan dan mengamalkan syura dalam urusan pentadbiran.

Jadual 3 Analisis nilai skor min keseluruhan item elemen komitmen kerja

Item	Elemen komitmen kerja	Skor min keseluruhan (Penilaian guru) N = 200	Sisihan Piawai	Interpretasi Tahap
K1,K2,K3,K4,K5	Tanggungjawab	4.18	0.565	Tinggi
K6,K7,K8,K9,K10	Kerjasama	4.31	0.578	Tinggi
K11,K12,K13,K14,K15	Disiplin	4.24	0.613	Tinggi
K16,K17,K18,K19,K20	Kompetensi	4.09	0.634	Tinggi
K21,K22,K23,K24,K25	Hubungan Organisasi	4.11	0.684	Tinggi

N=200

Jadual 3 di atas menunjukkan nilai keseluruhan skor min bagi setiap elemen komitmen kerja guru. Bagi elemen tanggungjawab mencatatkan nilai skor min pada tahap tinggi sebanyak 4.18 dengan nilai sisihan piawaiannya 0.565, elemen kerjasama memperlihatkan tahap nilai tinggi iaitu 4.31 dengan nilai sisihan piawaiannya 0.578, manakala disiplin pada nilai skor min 4.24 dengan nilai sisihan piawaiannya 0.613, sementara elemen kompetensi pada nilai skor min 4.09 pada tahap tinggi dengan nilai sisihan piawaiannya 0.634, dan elemen hubungan organisasi mencatat nilai skor min 4.11 dengan nilai sisihan piawaiannya 0.684.

Analisis keseluruhan nilai skor min setiap elemen komitmen kerja guru berada pada tahap yang tinggi. Ini menunjukkan komitmen kerja guru terhasil dengan adanya amalan syura yang dipraktikkan dalam kepimpinan guru besar sehingga mendorong peningkatan pendidikan di sekolah. Nilai skor min paling tinggi adalah elemen kerjasama iaitu sebanyak 4.31 (SH=0.578) manakala yang terendah adalah elemen kompetensi iaitu nilai skor min sebanyak 4.09 (SH=0.634). Sikap bekerjasama dalam kalangan guru agama memberikan impak besar untuk melahirkan kesepaduan dan pemuafakatan organisasi yang mapan.

4.2 Objektif 2-Elemen Amalan Syura Yang Menjadi Peramal Terhadap Komitmen Kerja Guru

Untuk menjawab soalan kajian peramal yang signifikan, maka analisis regresi berganda digunakan untuk menunjukkan indeks hubungan iaitu dengan merujuk nilai beta (β). Pengkaji menggunakan hasil dapatan daripada soal selidik yang telah dijawab oleh 200 orang responden untuk menganalisis persoalan tersebut bagi mendapatkan jawapan penentuan elemen amalan syura keterbukaan, kesepakatan, kepercayaan, nasihat, dan amanah yang menjadi peramal terhadap peningkatan komitmen kerja guru sebagai teras utama kecemerlangan pendidikan di sekolah.. Dapatan analisis regresi berganda akan menentukan sama ada penerimaan atau penolakan hipotesis nul (H01) kajian.

H01: Elemen amalan syura yang menjadi peramal kepada peningkatan komitmen kerja.

Manakala Hipotesis H01 diperincikan menjadi 5 hipotesis kecil iaitu H011, H012, H013, H014, dan H015 sebagaimana berikut

Keterbukaan

Jadual 4 Analisis regresi berganda antara elemen keterbukaan yang menjadi peramal dengan komitmen kerja guru

Peramal	Beta (β)	Ujian-t	Sig P
Keterbukaan dengan komitmen kerja	0.391	2.342	(0.002)

N=200

Analisis regresi berganda pada Jadual 4 menunjukkan bahawa elemen keterbukaan dalam amalan syura memberikan kesan yang signifikan terhadap peningkatan komitmen kerja guru pada aras signifikan $p < 0.05$. Nilai beta (β) adalah ($\beta = 0.391$; $t = 2.342$; $\text{sig.} = 0.017$). Nilai beta (β) =0.391 menunjukkan elemen keterbukaan amalan syura mempunyai hubungan yang signifikan terhadap peningkatan komitmen

kerja guru yang akan menyumbangkan peningkatan peratusan sebanyak 39.1 peratus dalam komitmen kerja guru. Oleh itu elemen keterbukaan amalan syura didapati berperanan sebagai peramal yang signifikan terhadap peningkatan komitmen kerja guru. Ini bermakna hipotesis H011 berjaya ditolak.

Kesepakatan

Jadual 5 Analisis regresi berganda antara elemen kesepakatan yang menjadi peramal dengan komitmen kerja guru

Peramal	Beta (β)	Ujian-t	Sig P
Kesepakatan dengan komitmen kerja	0.366	1.987	(0.040)

N=200

Analisis regresi berganda pada Jadual 5 menunjukkan bahawa elemen kesepakatan dalam amalan syura memberikan kesan yang signifikan terhadap peningkatan komitmen kerja guru pada aras signifikan $p < 0.05$. Nilai beta (β) adalah ($\beta = 0.366$; $t = 1.987$; $sig. = 0.040$). Nilai beta (β) = 0.366 menunjukkan elemen kesepakatan amalan syura mempunyai hubungan yang signifikan terhadap peningkatan komitmen kerja guru yang akan menyumbangkan peningkatan peratusan sebanyak 36.6 peratus dalam komitmen kerja guru. Oleh itu elemen kesepakatan amalan syura didapati berperanan sebagai peramal yang signifikan terhadap peningkatan komitmen kerja guru. Ini bermakna hipotesis H012 berjaya ditolak.

Kepercayaan

Jadual 6 Analisis regresi berganda antara elemen kepercayaan yang menjadi peramal dengan komitmen kerja guru

Peramal	Beta (β)	Ujian-t	Sig P
Kepercayaan dengan komitmen kerja	0.208	2.621	(0.009)

N=200

Analisis regresi berganda pada Jadual 6 menunjukkan bahawa elemen kepercayaan dalam amalan syura memberikan kesan yang signifikan terhadap peningkatan komitmen kerja guru pada aras signifikan $p < 0.05$. Nilai beta (β) adalah ($\beta = 0.208$; $t = 2.621$; $sig. = 0.009$). Nilai beta (β) = 0.208 menunjukkan elemen kepercayaan dalam amalan syura mempunyai hubungan yang signifikan terhadap peningkatan komitmen kerja guru yang akan menyumbangkan peningkatan peratusan sebanyak 20.8 peratus dalam komitmen kerja guru. Oleh itu elemen kepercayaan amalan syura didapati berperanan sebagai peramal yang signifikan terhadap peningkatan komitmen kerja guru. Ini bermakna hipotesis H013 berjaya ditolak.

Nasihat

Jadual 7 Analisis regresi berganda antara elemen nasihat yang menjadi peramal dengan komitmen kerja guru

Peramal	Beta (β)	Ujian-t	Sig P
Nasihat dengan komitmen kerja	0.143	4.573	(0.011)

N=200

Analisis regresi berganda pada Jadual 7 menunjukkan bahawa elemen nasihat dalam amalan syura memberikan kesan yang signifikan terhadap peningkatan komitmen kerja guru pada aras signifikan $p < 0.05$. Nilai beta (β) adalah ($\beta = 0.143$; $t = 4.573$; $sig. = 0.011$). Nilai beta (β) = 0.143 menunjukkan elemen nasihat dalam amalan syura mempunyai hubungan yang signifikan terhadap peningkatan komitmen kerja guru yang akan menyumbangkan peningkatan peratusan sebanyak 14.3 peratus dalam komitmen kerja guru. Oleh itu elemen nasihat amalan syura didapati berperanan sebagai peramal yang signifikan terhadap peningkatan komitmen kerja guru. Ini bermakna hipotesis H014 berjaya ditolak.

Amanah

Jadual 8 Analisis regresi berganda antara elemen amanah yang menjadi peramal dengan komitmen kerja guru

Peramal	Beta (β)	Ujian-t	Sig P
Amanah dengan komitmen kerja	0.250	3.121	(0.002)

N=200

Analisis regresi berganda pada Jadual 8 menunjukkan bahawa elemen amanah dalam amalan syura memberikan kesan yang signifikan terhadap peningkatan komitmen kerja guru pada aras signifikan $p < 0.05$. Nilai beta (β) adalah ($\beta = 0.250$; $t = 3.121$; $sig. = 0.000$). Nilai beta (β) = 0.250 menunjukkan elemen amanah dalam amalan syura mempunyai hubungan yang signifikan terhadap peningkatan komitmen kerja guru yang akan menyumbangkan peningkatan peratusan sebanyak 25.0 peratus dalam komitmen kerja guru. Oleh itu elemen amanah amalan syura didapati berperanan sebagai peramal yang signifikan terhadap peningkatan komitmen kerja guru. Ini bermakna hipotesis H015 berjaya ditolak.

Analisis regresi berganda berdasarkan lima elemen keterbukaan, kesepakatan, kepercayaan, nasihat, dan amanah dalam syura yang menjadi asas kepimpinan guru besar menunjukkan hubungan yang signifikan menjadi peramal terhadap peningkatan komitmen kerja guru di sekolah agama daerah Johor Bahru. Secara keseluruhan, lima elemen amalan syura yang digariskan didapati menjadi peramal yang signifikan terhadap komitmen kerja guru berdasarkan aras signifikan $p < 0.05$ juga berpandukan nilai beta (β) dengan didahului oleh elemen keterbukaan ($\beta = 0.391$; $t = 2.342$; $p = 0.017$); kesepakatan ($\beta = 0.366$; $t = 1.987$; $p = 0.040$); amanah ($\beta = 0.250$; $t = 3.121$; $p = 0.002$); kepercayaan ($\beta = 0.208$; $t = 2.621$; $p = 0.009$); dan nasihat ($\beta = 0.143$; $t = 4.573$; $p = 0.011$). Maka, kepimpinan guru besar wajar mengamalkan amalan syura dalam organisasi bagi memastikan kualiti kerja guru mencapai matlamat pendidikan yang cemerlang dengan adanya komitmen kerja yang proaktif di sekolah.

Oleh yang demikian, elemen syura keterbukaan, kesepakatan, kepercayaan, nasihat, dan amanah direkodkan telah diaplikasikan dalam kepimpinan guru besar di sekolah agama daerah Johor Bahru. Ini menunjukkan bahawa semua guru di sekolah agama daerah Johor Bahru sepakat dengan kepimpinan guru besar masing-masing yang mana analisa dapatan memberi jawapan yang positif bahawa elemen amalan syura menjadi peramal terhadap peningkatan komitmen kerja guru.

5.0 KESIMPULAN

Sebagai rumusan, hasil dapatan analisis kajian menunjukkan bahawa pelaksanaan amalan syura dalam kepimpinan guru besar dilaksanakan dan memperlihatkan terdapatnya komitmen kerja guru di sekolah. Hubungan pada tahap tinggi antara amalan syura dengan komitmen kerja guru menunjukkan wujudnya nilai kepimpinan syura yang diterajui oleh guru besar di sekolah agama daerah Johor Bahru.

Analisis kajian membuktikan bahawa guru besar di sekolah agama daerah Johor Bahru telah melaksanakan amalan syura dalam kepimpinan mereka dengan penuh amanah dan dedikasi sebagaimana matlamat penubuhan sekolah agama Johor di bawah naungan Jabatan Agama Islam Johor. Menjadi sebuah institusi pendidikan yang mapan berlandaskan al-Quran dan al-sunnah serta menunaikan amanah *ad-din* sebagai keutamaan seiring kemajuan negara. Hasil dapatan analisis kajian juga telah menjawab persoalan kajian dan menjelaskan hubungan amalan syura yang dilaksanakan telah meningkatkan komitmen kerja guru di sekolah.

Selain itu, jelas menunjukkan komitmen kerja ini diperolehi melalui amalan syura yang diamalkan oleh kepimpinan guru besar. Analisis kajian mendapati guru-guru amat berpuas hati dengan persetujuan yang diberikan kepada kepimpinan guru besar yang mengamalkan syura. Ini bermakna, kepimpinan guru besar yang mengamalkan keterbukaan, kesepakatan, kepercayaan, nasihat, dan amanah menjadi faktor peningkatan komitmen kerja dalam kalangan guru di sekolah agama Johor Bahru. Keseluruhan dapatan analisis kajian ini selari dan bersamaan dengan beberapa kajian lalu tentang pelaksanaan amalan syura yang turut menjadi penentu kepada peningkatan komitmen kerja guru seperti; Tengku Elmi, (2014); Ismail, (2013); Mohamad (2013); Ridzuan (2012); dan Tahir (2012). Ini jelas membuktikan bahawa amalan syura yang diamalkan dapat membina kualiti kepimpinan Islam menurut kepimpinan Rasulullah SAW sebagaimana teladan yang menjadi penggerak kejayaan organisasi serta kecemerlangan pendidikan di sekolah. Konklusinya, elemen komitmen kerja yang diperolehi melalui amalan syura dalam kepimpinan pendidikan mengundang banyak manfaat termasuk para murid yang cemerlang, dorongan kumpulan kerja yang berwawasan serta mengembangkan potensi pendidikan gemilang. Menerusi analisis kajian ini jelas bahawa kepimpinan guru besar memainkan peranan penting terhadap peningkatan komitmen kerja guru sejajar kehendak dan matlamat Falsafah Pendidikan Islam di sekolah agama kelolaan Jabatan Agama Kerajaan Johor ini.

Rujukan

- M. A. A. H. (2012). *Model Musyawarah Rasulullah SAW*. Al Hidayah House Sdn Bhd, Batu Caves, Selangor.
- Abidin, A. F. Z., & Suradi, N. R. M. (2012). *Analisa Kepimpinan Dalam Islam Daripada Perspektif Kualiti dan Produktiviti*. PTS Professional Publishing Sdn Bhd, Selangor.
- Adnan, H. Y. (2014). *Konsep Syura Dalam Islam*. Diperolehi 4/10/2014, dari http://bappeda.acehprov.go.id/v2/file/journal/V1N2_Hasanuddin.pdf
- Ajmain, S. (2012). *Pembinaan Instrumen Pentaksiran Akhlak Berasaskan Rakan Sebaya Pelajaran Sekolah Menengah*. Tesis Doktor Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- al-Banna, H. (2006). *Himpunan Risalah: Risalah Taalim*.
- Al-Quran. (1993). *Tafsir Pimpinan Al-Rahman Kepada Pengertian al-Quran 30 Juzuk*. Bahagian Agama Jabatan Perdana Menteri, Pusat Islam Kuala Lumpur.
- Allen. (2004). *Bats: Biology, Behavior, And Folklore*. Dover Publications, Mineola, N.Y.
- Awang, H. W., Teh, N., & (2010). *Sinergi Dalam Pengurusan Sekolah*. PTS Professional Publishing Sdn Bhd, Selangor.

- Babbie, E. (1990). *The practice of social research*. Wadsworth Publishing, California.
- Daud, H. M. (2013). *The Leader In You*. PTS Professional Publishing Sdn Bhd, Selangor.
- Early, P. d. W. (2012). Understanding School Leadership. *School Leadership & Management*, 28(5-25), 1363-2434.
- Ezani, M. S. M. (2013). *Amalan Kepimpinan Rasulullah SAW Dalam Kalangan Guru Besar Zon Nusa Jaya, Gelang Patah*. (Tesis Sarjana), Universiti Teknologi Malaysia.
- Hamid, S. A., & Mohamad, A. M. (2015). *Kepimpinan Organisasi Pendidikan Berasaskan Syura Menurut Perspektif Islam*. Kolej Universiti Islam Antarabangsa, Selangor.
- Hamid, S. A., Mohamad, A. M., Hamid, S. A., Bajuri, M. H., Mustafa, S. N. J. M., & Sirat, S. M. M. (2015). *Prinsip Amalan Syura Mengikut Kaca Mata Islam Yang Mengadaptasi Ibrah Kepimpinan Rasulullah SAW*. Dewan al-Marbawy. UTM.
- Hamid, S. A., Mohamad, A. M., Sawari, S. S., Anuar, A., & Hamid, S. A. (2015). *Elemen Syura Dalam Kepimpinan Organisasi Pendidikan Sebagai Asas Kehidupan Yang Syumul serta Dorongan Komitmen Kerja Yang Kompeten*. Garuda Plaza Hotel Medan -Indonesia.
- Hamzah, M. S. G. (2009). *Komitmen Kerja Guru Pelatih Dalam Satu Meta Penilaian*. Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan. Diperolehi November 20.
- Hassan, A. M. (2010). *Institusi Politik dalam Institusi-Institusi Islam*. Fakulti Tamadun Islam (FTI), Universiti Teknologi Malaysia.
- Ibn Taimiyah, T. A. A. (1992). *Al Siyasah Ashari'yah Fi Islah Arrai' Warrai'yah*. (The Shari'at Politics). Dar Al-Kutob Al-Ilmiyah, Beirut.
- Jaafar, M. N. (2010). *Kepimpinan Pengajaran Guru Besar, Komitmen dan Kepuasan Kerja Guru dan Hubungannya Antara Sekolah Berkesan dengan Sekolah Kurang Berkesan*. Seminar Nasional Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan Ke -12. Institut Aminuddin Baki, Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Jaffar, M. M. M. (2013). *Pengamalan Ciri-Ciri Kepimpinan Rasulullah Dalam Kalangan Guru Besar*. Tesis Sarjana, Universiti Teknologi Malaysia.
- Kamal, C. M. (2013). *Tahap Stress dan Hubungannya Dengan Komitmen Kerja Dalam Kalangan Guru Tahun Enam Di Empat Buah Sekolah Berprestasi Tinggi di Daerah Johor Bahru*. Sarjana Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Latip, A. (2012). *Pembangunan Instrumen Penilaian Akhlak Pelajar (IMPAK) di Institut Pengajian Tinggi Awam*. Doktor Falsafah, Universiti Teknologi Malaysia.
- Meyer, J., & Allen, N. (2001). *The Measurement and Antecedents Of Affective, Continuance and Normative Commitment to Organization*. *Journal of occupational psychology*, 63, 1-18.
- Mohamad, A. M. (2013). *Amalan Kepimpinan Islam Pengetua dan Perkaitannya Terhadap Atribut Komuniti Pembelajaran Profesional*. Doktor Falsafah. Universiti Teknologi Malaysia.
- Patton, M. Q. (2002). *Qualitative Research and Evaluation Methods*. 3rd edition. Sage Publications, Thousand Oaks, CA.
- Qutub, S. (2014). *Fi Zilal al-Quran*. Shade of the Quran.
- Ridha, S. M. R. (2013). *Majmu'ah al-Hadith Wa Tasyamalu Tis'a Rasa'il Hammah*. Matba'at Al-Manar, Kaherah.
- Sawari, S. S. M. (2014). Guru Bersahsiah Mulia Menurut Pandang Ibnu Sahnun: Analisa Buku Adab Al-Mualimin. *Online Journal of Islamic Education*, 2(2), 3
- Shaharbi, A. A. (2010). *Leadership Behavior dan Practices of A Head Teacher In An Excellent School*. Sarjana Pendidikan. Universiti Terbuka Malaysia.
- Sufian, A. (2006). *Pengamalan Ciri-Ciri Kepimpinan Rasulullah SAW Dalam Kalangan Guru Pendidikan Islam Daerah Kota Tinggi*. Tesis Ijazah Sarjana. Universiti Teknologi Malaysia.
- Tahir, L. M. (2012). *Perkaitan Antara Kepimpinan Pengajaran Guru Besar dengan Kepercayaan dan Komitmen Guru*. Sarjana Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Van Dyne, L. (2010).
- Wahab, H. A. (2013). *Hubungan Pendekatan Nilai-Nilai Positif Guru Besar Terhadap Sahsiah Guru Di Sekolah Rendah Negeri Johor*. Ijazah Sarjana Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Zulhida, M. (2013). *Hubungan Antara Trait Kepimpinan Guru Besar Dengan Komitmen Kerja Dalam Kalangan Guru Sekolah Berprestasi Tinggi di Daerah Johor Bahru*. Tesis Ijazah Sarjana Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.